

13 JUL 2001

Negeri-Perbelanjaan

K'JAAN NEGERI DIMINTA TINGKATKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri dikehendaki meningkatkan lagi kecekapan pengurusan perbelanjaan masing-masing termasuk mempercepatkan pembayaran kepada kontraktor.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, perkara itu ialah antara yang dibincangkan dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-83 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, semalam.

Awal bulan ini, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan agensi-agensi kerajaan supaya membuat bayaran kepada kontraktor projek tidak lewat sebulan daripada tarikh penerimaan invois.

Beliau dilaporkan sebagai berkata kerajaan masih menerima banyak aduan daripada kontraktor projek atau pembekal perkhidmatan mengenai kelewatan menerima bayaran daripada agensi kerajaan berkaitan.

Kenyataan itu menyebut mesyuarat semalam turut membangkitkan tentang betapa pentingnya Kerajaan Negeri memupuk hubungan mesra dengan media massa tempatan bagi menentukan isu-isu berbangkit dapat diperjelaskan dengan baik.

Yang turut dibincangkan ialah beberapa cadangan berhubung penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Wanita dan Keluarga, sambutan Hari Pengguna Malaysia dan Minggu Pengguna Malaysia serta peranan Jabatan Hal Ehwal Veteran Kementerian Pertahanan.

Mesyuarat berkenaan dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali dari Terengganu, Kelantan dan Sabah. Yang turut hadir ialah beberapa Menteri Kabinet.

-- BERNAMA

MAM MAM PR